

**Sistem Radar BN Bantu Cari Kerjaya Sesuai
Bernama
12 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Karnival Kerjaya Pemuda Barisan Nasional (BN) menyediakan 'sistem radar' untuk membantu pencari kerja mengenal pasti kemahiran mereka sebelum memohon sebarang jawatan atau pekerjaan.

Pengerusi Sekretariat karnival itu, Nazir Hussin Akhtar Hussin berkata sistem itu disediakan buat kali pertama di karnival itu selepas dikaji modul penggunaannya tahun lepas. Karnival itu diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini sempena sambutan ulang tahun ke-66 Umno.

Nazir Hussin berkata sistem radar itu disambungkan kepada hampir 70,000 majikan dalam pangkalan data karnival.

"Pencari kerja hanya perlu menjawab hampir 100 soalan mudah mengenai diri mereka sebelum sistem itu akan mengenal pasti kerja yang sesuai buat mereka," katanya ketika ditemui pemberita pada karnival itu, di sini.

Beliau berkata selepas selesai menjawab soalan calon boleh memuat naik resume ke dalam data sistem radar itu yang turut digunakan secara meluas di Singapura dan Amerika Syarikat. Sistem itu turut menawarkan lebih 600 peluang pekerjaan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665754>